



LEMBAGA PENGAWALAN DAN PELESENAN PENCETAKAN AL-QUR'AN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

PANDUAN PENERBITAN TEKS AL-QURAN TULISAN KELABU ATAU KABUR AKTA PENCETAKAN TEKS AL-QUR'AN 1986 [AKTA 326]

1. Tujuan

Panduan ini bertujuan untuk memastikan penerbitan teks al-Quran tulisan kelabu atau kabur mematuhi standard yang ditetapkan dan layak memohon Perakuan Betul Pruf Akhir Teks Al-Quran. Panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan Garis Panduan Permohonan Perakuan Betul Pruf Akhir Teks Al-Quran, Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986 (Pindaan) 2023 Kementerian Dalam Negeri.

2. Objektif

- (i) Memastikan teks al-Quran ini menepati piawaian semakan dan penilaian teks al-Quran yang ditetapkan.
- (ii) Memberi panduan kepada penerbit agar teks al-Quran ini layak dicetak, diterbitkan, dijual dan diedar serta boleh dipasarkan secara rasmi.

3. Skop

Penerbitan teks al-Quran tulisan kelabu atau kabur hanya dibenarkan untuk tujuan latihan penulisan, dan tidak boleh diterbitkan untuk kegunaan solat atau bacaan rasmi.

4. Reka Letak

- (i) Penerbitan teks al-Quran bagi 30 juzuk al-Quran; atau

- (ii) Surah-surah lazim yang berkeperluan atau mana-mana juzuk dalam al-Quran.
- (iii) Penulisan teks hendaklah berdasarkan al-Quran cetakan Mujamma' Malik Fahd, Madinah Al-Munawwarah.
- (iv) Jumlah baris bagi setiap muka surat mematuhi standard yang ditetapkan iaitu 15 baris ayat bagi setiap muka surat.
- (v) Mempunyai ruang kosong yang berbaris (line guides) untuk tulisan.
- (vi) Lengkap dengan tajuk surah dan bilangan ayat.
- (vii) Margin yang sesuai untuk semakan guru.
- (viii) Teks al-Quran yang hitam dan jelas disertakan bersama dalam mashaf tulisan kelabu atau kabur, dan diletakkan bersebelahan dengan teks al-Quran tulisan kelabu atau kabur.

5. Kertas dan Warna Teks

- (i) Kertas hendaklah tahan lasak dan tidak mudah ditembusi dakwat pen.
- (ii) Warna kelabu pada teks al-Quran yang kabur ditetapkan sekurang-kurangnya kod hex #F2F2F2'.

6. Rasm dan Kaedah Tulisan

- (i) Mematuhi Rasm Uthmani dengan sempurna dan mengikut kaedah penulisan yang ditentukan oleh Lembaga.
- (ii) Mempunyai panduan penulisan di bahagian akhir mashaf, jika perlu.

7. Maklumat Penerbitan

Penerbit perlu menyatakan dengan jelas pada kulit hadapan bahawa teks al-Quran ini adalah untuk “LATIHAN PENULISAN”.

8. Perakuan Lembaga

Mashaf yang mengandungi teks al-Quran yang tertakluk di bawah tafsiran seksyen 2 Akta 326 hendaklah mendapat Perakuan Betul Pruf Akhir Teks Al-Quran di bawah seksyen 6(1) Akta berkenaan.

9. Tambahan

- (i) Hasil penyalinan atau tulisan tangan daripada teks al-Quran tulisan kelabu atau kabur ini tidak boleh diterbit atau dicetak semula untuk tujuan komersial atau edaran kepada pihak lain atau apa-apa tujuan yang tertakluk di bawah kawalan Lembaga.
- (ii) Mashaf yang mengandungi teks al-Quran tulisan kabur atau kelabu hendaklah mematuhi kaedah pemuliaan yang ditetapkan berdasarkan Garis Panduan Pelupusan Al-Quran.

10. Pematuhan

Panduan ini dikeluarkan oleh Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran di bawah seksyen 26 Akta 326. Oleh itu, mana-mana teks al-Quran yang diterbit atau dicetak mengikut panduan ini hendaklah mematuhi semua perkara yang ditetapkan. Penerbit atau pencetak atau mana-mana pihak yang membantu dalam penerbitan atau pencetakan teks al-Quran ini adalah tertakluk di bawah Akta 326.

11. Kuat Kuasa

Panduan ini diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Qur'an Kementerian Dalam Negeri Bilangan 118/6.2025 pada 16 Disember 2025 terhad untuk penerbitan teks al-Quran bagi kegunaan institusi tahfiz.

Kementerian Dalam Negeri
Januari 2026